

**Bahagian A: (10 markah)**

*Pilih perkataan berlawan/berpasang maknanya dengan perkataan yang bergaris bawah bagi setiap item.*

1. Nama anak **bongsu** saya ialah Rahman.

hulu  
pinggir  
sulung  
muda

2. Dia tidak mempunyai **cukup** wang untuk membeli buku itu.

banyak  
penuh  
kurang  
habis

3. Air perigi itu terasa sangat **sejuk** pada waktu pagi.

panas  
tawar  
keruh  
dingin

4. Dia **tarik** tangan bapanya.

buang  
cabut  
angkat  
tolak

5. Aminah disayangi oleh ibunya kerana dia sangat **sopan**.

jahat  
biadab  
bising  
bengis

**Bahagian B: (10 markah)**

*Pilih perkataan seerti/seiras maknanya dengan perkataan yang bergaris bawah bagi setiap item di bawah ini.*

1. Kita harus awas semasa menyeberang jalan raya yang sibuk.

gembira  
marah  
hati-hati  
takut

2. Adik tersenyum melihat boneka yang cantik itu.

binatang  
baju  
patung  
orang

3. Ali tinggal di Jurong West.

turun  
hampir  
pergi  
duduk

4. Dia bergegas menuju ke tandas.

kolam  
jamban  
tasik  
perigi

5. Nelayan itu sedang mengayuh kolek.

basikal  
tongkang  
kapal  
sampan

### Bahagian C: (10 markah)

Pilih penjodoh bilangan yang sesuai bagi setiap item di bawah ini.

1. Ibu mengasah se\_\_\_\_\_ pisau.

bilah  
batang  
orang  
buah

2. Orang lelaki itu sedang memanjat se\_\_\_\_\_ pokok kelapa.

ekor  
buah  
batang  
tandan

3. Wanita itu menyarungkan se\_\_\_\_\_ cincin pada jari manisnya.

tandan  
bentuk  
biji  
helai

4. Dia makan dua \_\_\_\_\_ biskut.

keping  
orang  
helai  
bilah

5. Daud tinggal di se\_\_\_\_\_ rumah pangsa.

bilah  
batang  
buah  
bentuk

**Bahagian D: (10 markah)**

*Pilih kata hubung yang sesuai bagi setiap item di bawah ini.*

1. Salimah membeli dua buah buku \_\_\_\_\_ tiga batang pensel.

walaupun  
namun  
hingga  
dan

2. Murid-murid di dalam kelas tersebut diam \_\_\_\_\_ guru sedang mengajar.

atau  
serta  
supaya  
semasa

3. \_\_\_\_\_ hari hujan, kami akan membatalkan rancangan kami tadi.

Jika  
Sungguhpun  
Serta  
Namun

4. \_\_\_\_\_ hari sudah jauh malam, Amin masih belum pulang lagi.

Walaupun  
Kerana  
Dan  
Hingga

5. Dia belajar bersungguh-sungguh \_\_\_\_\_ lulus ujian.

supaya  
hingga  
dan  
semasa

#### Bahagian E: (10 markah)

Pilih peribahasa yang sesuai bagi setiap frasa yang diberikan di dalam setiap item di bawah ini.

1. Orang kampung menyangka lelaki yang suka menipu itu baik kerana dia pandai membuat jahat dalam diam,

\_\_\_\_\_.

bagai kacang lupakan kulit  
seperti api dalam sekam  
seperti abu di atas tunggul  
bagai isi dengan kuku

2. Rakyat dan pemimpin harus berkejasama  
\_\_\_\_\_ kerana mereka saling  
memerlukan di antara satu sama lain.

seperti pungguk rindukan bulan  
bagai pinang dibelah dua  
seperti rusa masuk kampung  
seperti aur dengan tebing

3. Pasangan pengantin baru itu kelihatan sama cantik dan sama  
padan, \_\_\_\_\_.

seperti pungguk rindukan bulan  
bagai pinang dibelah dua  
seperti rusa masuk kampung  
seperti rumput di tepi jalan

4. Jurang perbezaan di antara saya dengan orang kaya itu sangat  
besar, \_\_\_\_\_.

seperti orang buta kehilangan tongkat  
seperti kera mendapat bunga  
seperti cincin dengan permata  
seperti bumi dengan langit

5. Kita harus rajin menimba ilmu; jangan jadi seperti orang yang  
cetek pengetahuannya, \_\_\_\_\_.

seperti embun di hujung rumput  
seperti katak di bawah tempurung  
seperti cicak makan kapur  
seperti kaca jatuh ke batu

#### Bahagian F: (10 markah)

Pilih kata gandaan yang sesuai bagi setiap item di bawah ini.  
Kemudian, tulis abjad pilihan kamu itu di dalam ruangan yang  
disediakan.

a. gunung-ganang	b. sampah-sarap
c. compang-camping	d. teka-teki

e. kuih-muih

f. terang-benderang

1. Keadaan di rumah itu  kerana mereka sedang meraihkan majlis hari ulang tahun.
2. Baju pengemis itu .
3. Jawapan bagi  itu sangat mudah.
4. Ibu pandai membuat bermacam-macam .
5. Pekebun itu membakar semua  yang telah dikumpulnya.

**Bahagian G : (10 markah)**

*Berikan kata dasar bagi perkataan yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini. Kemudian, tuliskan jawapan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan.*

1. Dia sedang mendengar radio.
2. Kakak saya pandai menyanyi.
3. Ibu sedang menyapu lantai.
4. Bapa tuangkan saya segelas susu.
5. Dia memotong kuih itu untuk ibunya.

**Bahagian H : (10 markah)**

*Tuliskan perkataan yang sesuai bagi setiap tempat kosong di bawah ini.*

Hari ini saya akan pergi ke klinik  . Ibu akan menemani saya ke sana. Klinik  itu terletak berhampiran dengan rumah saya. Saya telahpun membuat temujanji dengan Doktor Yap untuk memeriksa gigi saya. Doktor  berpesan kepada saya supaya rajin  gigi. Gigi yang  adalah gigi yang sihat.

**Bahagian I : (10 markah)**

*Baca petikan karangan ini dengan teliti. Kemudian, pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan yang mengikutinya.*

Dahulu, abang saya kuat merokok. Setiap hari dia akan menghisap sekotak rokok.

Pada suatu hari, abang telah diserang sakit jantung. Abang telah dirawat di Hospital Universiti Nasional selama seminggu. Sekarang, keadaan abang telah kembali pulih.

Kini, abang sudah tidak merokok lagi. Dia sering bersenam pada waktu pagi. Abang tidak tercungap-cungap setelah bersenam. Wajahnya sudah kembali ceria. Kami sekeluarga turut berasa gembira di atas perubahan abang.

1. Apakah kegemaran abang dahulu?

Dahulu, abang ...

membuang masa.  
suka bermain-main.  
suka bersenam.  
kuat merokok.

2. Apakah yang terjadi kepada abang pada suatu hari?

Pada suatu hari, abang telah ...

menemui ajalnya.  
diserang sakit jiwa.  
diserang oleh keluarganya.  
diserang sakit jantung.

3. Di manakah abang dirawat?

Abang telah dirawat di ...

Universiti Nasional Singapura.  
Hospital Universiti Nasional.  
rumahnya.  
Hospital Alexandra.

4. Berapa lamakah abang dirawat di situ?

Abang dirawat di situ selama ...

enam hari.

tujuh hari.

tiga hari.

dua minggu.

5. Apakah yang dilakukan oleh abang setiap pagi setelah pulang dari hospital?

Setelah pulang, abang akan ...

merokok semula.

bersenam setiap malam.

bersenam setiap pagi.

tidur setiap pagi.

#### Bahagian J : (10 markah)

*Baca cerita ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya. Tuliskan jawapan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan.*

Aku sekaki payung. Aku telah dilahirkan di sebuah kilang di Jurong. Badanku diperbuat daripada k'u dan tudungku berwarna merah, kuning dan biru. Dari situ aku bersama saudara-saudaraku yang lain telah dibawa ke kedai-kedai untuk dijual.

Aku telah disangkut pada seutas tali dan digantung di luar sebuah kedai. Pada suatu petang, seorang wanita telah datang ke kedai tersebut. Wanita itu gembira melihat aku kerana warnaku yang cantik. Dia pun membeliku dan membawaku pulang ke rumahnya.

Tuanku selalu membawa aku bersamanya ke mana sahaja dia pergi. Aku digunakan di waktu panas dan hujan. Aku bangga dapat berbakti kepada tuanku.

1. Apakah "saya" di dalam petikan karangan ini?  
"Saya" di dalam petikan karangan ini ialah

2. Di manakah ia dilahirkan?  
Ia dilahirkan di

3. Apakah warna tudungnya?  
Tudungnya berwarna

4. Apakah badannya diperbuat daripada?  
Badannya diperbuat daripada

5. Siapakah yang membeli dan membawanya pulang?  
telah membeli dan  
membawanya pulang.